

01 FEB 1998

SALAH SEORANG PENGASAS UMNO MENINGGAL DUNIA

JOHOR BAHARU, 1 Feb (Bernama) -- Seorang tokoh veteran UMNO, Tan Sri Haji Anuar Abdul Malik berusia 100 tahun meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah di sini pada pukul 7.50 petang semalam kerana sakit tua.

Beliau yang merupakan salah seorang pengasas Umno meninggalkan seorang balu, Saodah Abdullah, 78, dan enam orang anak -- empat perempuan dan dua lelaki serta 18 orang cucu.

Turut hadir ialah Mokhzani Mahathir, anak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Cucu allahyarham, Mastissa Mohamed merupakan isteri Mokhzani.

Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Datuk Ali Hassan dan anggota Parlimen Johor Baharu, Khalid Nordin merupakan antara yang menziarahi allahyarham di rumahnya di Jalan Harun di sini.

Jenazah alahyarham kemudian dibawa ke Masjid Sultan Abu Bakar di sini untuk disembahyangkan dan selamat dikebumikan di tanah perkuburan Islam Mahmoodiah di sini. -- BERNAMA

BH PR